

19/11/2003

BN Sabah kaji semula sistem giliran KM

KOTA KINABALU: Barisan Nasional (BN) Sabah akan mengadakan rundingan bagi memutuskan sama ada akan meneruskan atau sebaliknya, sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diperkenalkan pada 1994.

Pengerusinya merangkap Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata mesyuarat mengenai perkara itu bagaimanapun hanya diadakan sekiranya ada keperluan dan `bila tiba masa sesuai'.

"Kita tengok, jika ada perkara penting ingin dibincangkan, kita akan membawanya dalam mesyuarat. Mesyuarat itu akan diadakan bila tiba masa sesuai, tapi buat masa ini ia belum perlu diadakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyerahan kuih raya untuk pasukan keselamatan di lobi Menara Tun Mustapha, Likas, dekat sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau menyerahkan kepada BN Sabah sama ada meneruskan atau sebaliknya, sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diperkenalkan pada 1994 itu.

Beliau yang juga Pengerusi BN tidak ingin campur tangan dalam isu itu, bagi mengelak perpecahan sekali gus boleh melemahkan kekuatan kerajaan BN di Sabah.

Sistem penggiliran Ketua Menteri yang diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad itu bertujuan memberi peluang kepada pemimpin dari tiga kelompok masyarakat utama bergilir menerajui kerajaan negeri dengan masing-masing diberi tempoh dua tahun.

Sehingga ini tujuh Ketua Menteri dilantik melalui sistem itu.

Selain Musa, penyandang lain ialah Tun Sakaran Dandai, Datuk Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam dan Datuk Chong Kah Kiat.

Dalam pada itu, Musa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata, pihaknya kini lebih menumpukan persiapan parti untuk menghadapi pilihan raya negeri dan umum.

Katanya, BN Sabah sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa.

"Sekarang ini BN Sabah sedang mencari tarikh sesuai (untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri) bagi membolehkan pilihan raya diadakan sebelum tempoh pemerintahan berakhir," katanya.

Mengenai pertemuan dengan Abdullah di Hotel Magellan petang kelmarin, Musa mengesahkan Perdana Menteri tidak menyentuh mengenai isu sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri.

"Sebaliknya, beliau meminta semua pemimpin dan ahli Umno serta BN Sabah untuk terus bekerja kuat serta mengukuhkan perpaduan sedia ada untuk menghadapi pilihan raya," katanya.

Tempoh pemerintahan kerajaan Sabah sedia dijadualkan berakhir pada 12 April 2004.